

**Malaysia Hantar Wakil Ke Perbincangan Jawatankuasa Rang Undang-undang Minyak Sawit Australia
Bernama
Ogos 07, 2011**

PENAMPANG, 6 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan menghantar wakil ke Australia bagi perbincangan peringkat jawatankuasa yang bakal berlangsung sebelum rang undang-undang yang memerlukan pelabelan minyak sawit, dibahaskan di peringkat parlimen negara itu.

Ini merupakan satu lagi usaha untuk memperbetulkan salah tanggapan terhadap amalan minyak sawit Malaysia, susulan lawatan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok ke negara berkenaan baru-baru ini.

"Sebagaimana yang kita tahu, Senat Australian telah meluluskan pindaan Standard Makanan (Kebenaran Dalam Pelabelan - Rang Undang-undang Minyak Sawit) ... tetapi sebelum perbahasan Lower House Parlimen Australia, akan terdapat pendengaran di peringkat jawatankuasa.

"Kita juga akan menghantar wakil dan pendengaran kali ini dari (aspek) ekonomi, dan apa yang akan kita jelaskan kepada Australia ialah industri sawit membawa banyak rakyat Malaysia keluar daripada belunggu kemiskinan terutama di kawasan pedalaman, dengan tidak kurang 600,000 orang diambil bekerja secara langsung dan tidak langsung dalam industri perladangan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran pertandingan futsal 1Malaysia peringkat daerah di sini.

Beliau berkata Australia seharusnya sedar yang pekebun kecil mewakili 40 peratus daripada industri yang bermakna sekiranya komoditi ini perlu dilabelkan sebagai suatu yang tidak selamat untuk dimakan, ia akan menjejaskan sumber kehidupan banyak rakyat Malaysia.

Dompok mengetuai delegasi ke Australia bermula 25 Julai bagi mempromosikan beberapa komoditi termasuk getah dan kayu tetapi tumpuan khusus diberikan kepada sawit bagi melobi Australia terhadap langkah parlimen negara itu yang boleh menjejaskan industri minyak sawit Malaysia.

Pada 23 Jun, Senat Australia meluluskan pindaan kepada Akta Makanan yang memerlukan produk yang mengandungi minyak sawit dilabelkan, berbanding disenaraikan sebagai "minyak sayur-sayuran", yang Malaysia anggap sebagai diskriminasi terhadap hasil tanaman itu.

Semasa ditanya bila jawatankuasa itu akan bersidang, beliau berkata parlimen negara itu memberi tarikh akhir pada 15 Ogos ini untuk pembentangan mereka yang berhasrat mengemukakan pendapat mereka dan tarikh pendengaran akan ditetapkan kemudiannya.

"Pasukan Malaysia akan terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung, pakar yang telah menjalankan penyelidikan mengenainya di mana mereka akan berpeluang mengemukakan dan mempertahankan pembentangan mereka di hadapan ahli parlimen," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dompok berkata beliau juga meminta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) supaya mengadakan seminar dan bengkel di Australia untuk warga tempatan di sana supaya lebih memahami lagi industri minyak sawit Malaysia sebenarnya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=606446>